



Garis panduan dan dasar aksesibiliti dalam laman sesawang, aplikasi berpandukan WCAG



25/03/2021 06:38 PM

PUTRAJAYA, 25 Mac -- Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) hari ini bersetuju dengan cadangan menetapkan garis panduan dan dasar aksesibiliti dalam laman sesawang dan aplikasi kementerian, agensi serta penyedia perkhidmatan awam di Malaysia berpandukan Web Content Accessibility Guideline (WCAG), agar mesra terhadap keperluan orang kurang upaya (OKU).

Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), cadangan itu yang dikemukakan dalam mesyuarat MKBOKU hari ini disambut baik kerana hak semua kategori OKU untuk akses kepada maklumat tidak boleh dinafikan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022.

Menurut KPWKM, ia juga menepati kehendak Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) dan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan OKU terutama OKU penglihatan terhadap orang lain dalam urusan harian mereka.

"Majlis secara dasarnya bersetuju dengan cadangan ini kerana aksesibiliti maklumat melalui platform digital adalah menepati kehendak trend perkembangan global pada masa kini terutamanya dalam keadaan negara menghadapi ancaman pandemik COVID-19," menurut KPWKM dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena mesyuarat itu

KPWKM berkata pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah diminta untuk melihat cadangan itu dengan lebih terperinci.

-- BERNAMA